

30 JUN 1996

Mahathir-Jalan

KEROSAKAN JALAN RAYA DI LANGKAWI HANYA SEMENTARA KATA PM

LANGKAWI, 30 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keadaan jalan raya yang rosak teruk di beberapa kawasan di pulau percutian bebas cukai ini hanya sementara kerana ia tidak dapat dielakkan.

Ia berlaku kerana beberapa projek besar sedang pesat dilaksanakan.

"Kita sedang membina satu sistem pembentungan di sini dan kerana itulah jalan raya perlu dikorek begitu juga dengan projek pembesaran landasan Lapangan terbang Antarabangsa Langkawi.

"Projek ini memerlukan kita menambak laut dan dalam proses itu, kita mengangkut tanah yang melalui jalan-jalan seperti Jalan Pantai Cenang dan selagi ini semua tidak selesai, jalan raya teruk sedikit," kata Perdana Menteri pada persidangan berita di sini.

Beliau mengulas rungutan beberapa pengusaha hotel dan chalet terutamanya di sepanjang Jalan Pantai Cenang bermula dari Pantai Tengah hingga ke Kuala Muda mengenai keadaan jalan raya yang amat teruk di situ.

Jalan raya di sepanjang kawasan itu akan berdebu pada hari panas dan menjadi lecak jika hujan. Terdapat kira-kira 15 buah hotel dan kawasan chalet di sepanjang jalan itu.

Dr Mahathir memberi jaminan bahawa apabila kesemua projek itu siap, yang dijangkakan tahun depan, keadaan jalan raya di Langkawi akan kembali seperti dahulu.

Pada persidangan berita itu, Dr Mahathir juga berkata beliau belum mempunyai sebarang rancangan untuk bekas Menteri Besar Kedah Tan Sri Haji Osman Aroff yang meletak jawatan kira-kira dua minggu lepas.

"Kita akan tengok dulu, saya belum ada sebarang rancangan untuk dia," katanya.

Pada lawatannya kali ini, Perdana Menteri meninjau perkembangan pembinaan jeti kapal persiaran di Tanjung Malai dekat Pantai Tengah yang bernilai kira-kira RM300 juta.

Projek itu turut melibatkan pembinaan pusat peranginan yang mempunyai 1,200 buah bilik dengan fasa pertama dijadual siap sebelum Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (Lima) tahun depan.

Dr Mahathir juga meninjau projek kampung dalam taman di Bayas yang berkonsepkan Mini Malaysia. Sebanyak 13 buah rumah tradisional Melayu dibina dalam kampung itu yang turut menyediakan kemudahan penginapan untuk pelawat.

Projek itu yang dibina atas kawasan seluas 13 hektar diusahakan oleh Maju Holdings Sdn Bhd dan dijangka siap Ogos ini. Ia akan dikenali sebagai Kampung Tok Senik Resort.

Sebelum itu, Dr Mahathir yang diiringi oleh Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid meluangkan masa melawat Galeria Perdana di Kilim yang menempatkan hadiah dan cenderahati yang beliau terima sejak menjadi Perdana Menteri.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan isteri Sanusi, Datin Seri Inangda Mayang Keumala turut serta dalam lawatan itu. --

BERNAMA

ZAA RON